

STRATEGI

Salah satu definisi bagi strategi ialah ilmu tentang cara-cara merancang dan melaksanakan tindakan untuk mencapai sesuatu maksud melalui rancangan yang teratur dan memperhitungkan pelbagai faktor untuk mencapai sesebuah matlamat atau kejayaan. Dalam konteks ini, kita perlulah bersedia untuk merubah cara berfikir, cara bertindak dan perlakuan kita dengan menyemai dan memupuk nilai, sikap dan budaya yang positif serta berstrategi. Hal ini adalah kerana dalam peperangan sekalipun, berundur tidak bererti kita kalah. Malah itu merupakan suatu bentuk strategi ketika berhadapan dengan sesuatu perkara yang pada waktu itu tidak berdaya untuk dilaksanakan. Bahkan kita akan dilabelkan sebagai kurang bijak apabila melaksanakan sesuatu secara membuta tuli tanpa melihat kesesuaiannya dari segi masa dan tempat. Demikianlah betapa pentingnya aspek perancangan dan strategi dalam urusan harian.

Kata-kata hikmah ada menyebutkan bahawa perkara kebaikan yang dilaksanakan tanpa perancangan, dapat ditewaskan oleh perkara keburukan yang terlaksana dengan cukup berstrategi. Justeru, pendekatan berhikmah atau bijaksana perlu diambil bagi memastikan hasrat murni yang ingin dicapai tidak terkubur semata-mata disebabkan oleh ketidakcekapan dalam pelaksanaan yang tidak berstrategi. Oleh itu, kita sebagai pekerja yang bermotivasi perlu merancang kerja yang dilaksanakan seharian. Sebagai contoh, amalan suka menangguk kerja sepatutnya dihapuskan daripada amalan kehidupan agar ia tidak merencatkan kelancaran keseluruhan operasi yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Selain itu, bersesuaian dengan tema kemerdekaan kita pada tahun ini, perpaduan merupakan asas utama kejayaan sesuatu pelaksanaan perancangan. Walaupun perancangan yang dilakukan cukup sempurna, ia belum dapat menjamin kejayaan dan keberkesanan dari segi pelaksanaannya. Penghayatan nilai-nilai murni ini mampu menjadikan kita individu yang sentiasa pro-aktif dan berdaya maju dalam kehidupan. Semoga ia dapat membuatkan kehidupan kita hari ini lebih baik dari semalam dan hari esok lebih baik daripada hari ini. InshaAllah ...

SABAR membawa maksud tabah menghadapi sesuatu keadaan yang tidak disenangi oleh manusia serta rela menyerah diri kepada Allah dan tidak pernah mengenal putus asa. Kita seringkali berhadapan dengan insiden-insiden di mana orang yang hampir dengan kita, isteri serta anak-anak, kaum keluarga, sahabat handai, jiran tetangga ditimpa malapetaka atau kesusahan. Sehubungan dengan itu, di dalam keadaan yang seperti ini kita kerap kali terdengar ucapan seperti "sabarlah, semua ini cubaan Tuhan".

Sememangnya amat mudah untuk kita menuturkan kata-kata tersebut kerana bukan kita yang mengalaminya. Kita bersimpati dengan mereka, namun simpati tidak boleh meringankan derita, kesedihan atau beban yang mereka tanggung. Bak kata pepatah "berat mata memandang, berat lagi bahu memikul". Demikianlah betapa sukar untuk memiliki sifat sabar di dalam situasi yang benar-benar mencabar. Namun di saat inilah, keimanan kita benar-benar diuji. Sesungguhnya kesabaran tidak dapat dipisahkan daripada keimanan. Sabda Rasulullah s.a.w "Sabar itu sebahagian daripada iman." Sabar juga adalah satu sifat yang mesti dimiliki oleh setiap Muslim. Ini kerana bersabar itu adalah merupakan arahan daripada Allah. Allah SWT pernah berfirman, "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu bersabar dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap sedia dan bertakwalah kepada Allah, supaya kamu berjaya," surah al-Imran: 200. Ayat ini selain daripada mengaitkan kesabaran dengan keimanan, ia juga dikaitkan dengan kejayaan. Jika kita lihat sekeliling kita, dan jika imbau sejarah silam, kita dapati bahawa tiada kejayaan yang mungkin dicapai tanpa berkat kesabaran.

Begitulah juga dalam kehidupan dan tugas kita seharian di dalam pekerjaan. Setiap hari kita diuji dengan pelbagai macam ujian yang menguji kesabaran kita sebagai seorang pekerja. Sebagai contoh, kesabaran dalam mengerjakan suruhan Allah seperti menunaikan solat, kesabaran meninggalkan perbuatan yang dilarang oleh Allah seperti menerima rasuah dan komisen yang tidak sepatutnya diterima yang bersifat tidak amanah malah gagal untuk menjalankan setiap tanggungjawab dan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita. Kehidupan harian kita penuh dengan pelbagai kesusahan, kesakitan serta tekanan emosi dan mental. Baik dalam kehidupan rumahtangga, masyarakat, pejabat malah dalam negara kita sendiri. Ada yang bukan sahaja bengis di rumah, lebih bengis di jalanraya dan seterusnya ke tempat kerja. Maka apabila sikap ini diteruskan, timbullah pertelingkahan di antara sesama rakan sekerja, bermasam muka dan tidak boleh bekerjasama dalam menyelesaikan satu-satu tanggungjawab yang diamanahkan. Akhirnya sudah tentulah produktiviti kita terbantut dan semua menanggung akibatnya.

Orang yang sabar sentiasa kuat semangat dan azam serta berusaha dan tawakal. Kita juga tidak boleh merungut, kerana sikap suka merungut itu adalah satu penafian kepada suatu kesabaran. Hadapilah dengan tabah serta mengharap penyelesaian daripada Allah serta sabar. Anggaplah ujian itu ringan dan cara mengingatkan kita segala nikmat yang dikurniakan Allah selama ini. Di mana sahaja kita berada, apa sahaja jawatan yang kita sandang, jenis apa kerja yang kita lakukan, semuanya memerlukan kesabaran di dalam erti kata yang sebenar.



Tanpa senjata sabar dalam perjalanan hidup ini, kehidupan seseorang tidak akan tenang dan damai kerana jalan hidup tidak selalunya mendatar, adakalanya mendaki dan kadang-kadang kita terjatuh. Bersabarlah ... Tiada kejayaan yang dicapai tanpa kesabaran ...

OLAH membawa maksud mengerjakan sesuatu sehingga menjadi lebih sempurna menggunakan apa jua cara sama ada melalui akal, perbuatan dan sebagainya. Ini dapat diperjelaskan lagi dengan mengambil contoh sebagaimana bahan mentah diproses atau diolah sebegitu rapi untuk menjadi bahan yang dapat digunakan. Di alam pekerjaan pula, kita memerlukan ilmu, kebijaksanaan, daya fikir dan kreativiti untuk mengolah kerja kita menjadi sesuatu yang lebih sempurna dan cemerlang. Kita tidak boleh hanya melakukan kerja-kerja seharian kita dengan cara ala kadar sahaja tanpa memiliki sifat daya olah yang tinggi dan sukakan kerja kita menjadi yang terbaik serta cemerlang. Malahan daya olah bukan sahaja diperlukan dalam melakukan kerja-kerja atau projek-projek yang besar namun kerja-kerja yang remeh serta kecil seperti menaip surat atau mengangkat telefon di pejabat pun memerlukan daya fikiran kita yang tinggi untuk diolah menjadi lebih baik dan hebat. Sifat daya olah ini juga berkait rapat dengan kecerdasan dalam diri kita sendiri.

Howard Gardner, seorang psikologi terkemuka daripada Harvard University pernah menyatakan bahawa manusia memiliki lapan jenis kecerdasan. Kecerdasan itu terdiri daripada Kecerdasan Linguistik (word smart), Kecerdasan Gambaran (picture smart), kecerdasan Matematik atau Logik (logic smart), Kecerdasan Perbuatan (body smart), Kecerdasan Muzik (music smart), Kecerdasan Interpersonel (people smart), Kecerdasan Intrapersonel (self smart) dan kecerdasan alam (nature smart).

Rupa-rupanya tanpa kita sedar, setiap manusia mempunyai kesemua sifat-sifat kecerdasan ini. Namun hanya ada beberapa dominan dan yang menonjol dalam diri kita. Kita selalu merasakan bahawa mereka yang menonjol daripada segi Kecerdasan Logik atau Matematik (logic smart) adalah insan yang bijak. Namun begitu, ada insan yang

Dari Meja Naib Canselor

sebelumnya nakal dan tidak bijak di dalam kelas akhirnya boleh berjaya dan menjadi pemimpin yang disegani. Ini terbukti bahawa mereka yang berjaya bukanlah menonjol daripada segi Kecerdasan Logik tetapi mungkin daripada jenis kecerdasan-kecerdasan yang lain. Oleh itu, marilah kita semua bersama-sama bermuhasabah diri dan menilai diri kita semula di jenis kecerdasan manakah kita berada? Apabila kita sudah mengenali kecerdasan dalam diri kita maka kita boleh mengembangkan daya olah dan potensi dalam diri kita sendiri. Fikirkanlah ...

ORIENTASI membawa maksud arah aliran yang diikuti atau yang menjadi seperti landasan bagi sesuatu pergerakan, atau perkembangan. Orientasi juga berkait rapat dengan kegiatan atau peninjauan yang menjadikan seseorang faham atau dapat menyesuaikan diri dengan sesuatu keadaan baru serta matlamat tertentu.

Namun begitu, apa pula kaitannya orientasi dengan kerja? Orientasi kerja adalah hal atau perkara yang menjadikan seseorang itu harus bekerja serta arah dan tujuan untuk bekerja. Pernah dijelaskan dalam satu kajian bahawa terdapat 3 jenis orientasi yang ingin dicapai oleh manusia iaitu Orientasi Intelektual (Intellectual Orientation), Orientasi Emosi (Emotional Orientation) dan Orientasi Spiritual (Spiritual Orientation).

Orientasi intelektual adalah berdasarkan kepakaran atau kemahiran. Secara lazimnya kita ingin dihargai dengan memperoleh pendapatan atau gaji yang setanding dengan kemahiran dan kepakaran yang kita ada. Semua orang ingin mendapatkan pendapatan yang lumayan agar dapat hidup dengan lebih selesa. Namun begitu, sekiranya pendapatan menjadi orientasi atau matlamat kerja kita, maka bersiap sedialah untuk mengalami kekecewaan. Ini adalah kerana tidak selamanya gaji yang tinggi akan memuaskan hati kita. Bak kata pepatah, hidup ibarat roda. Kadangkala kita di atas dan kadangkala di bawah.

Jenis yang kedua pula adalah orientasi emosi, iaitu keinginan kita untuk dihargai, jerih payah kita tak diremehkan dan keinginan untuk disegani. Biasanya orang yang berorientasi ini seringkali melakukan pekerjaan kerana inginkan pujian pihak atasan, ingin dipuji sebagai orang yang baik, sebagai orang yang rajin dan sebagainya. Namun begitu, orientasi ini juga seringkali membawa kekecewaan. Orientasi yang ketiga adalah orientasi spiritual. Inilah orientasi hakiki yang tertinggi, iaitu orientasi kepada Yang Maha Pencipta. Sepatutnya setiap manusia menyedari sepenuhnya bahawa tanggungjawab yang diberikan kepadanya merupakan hal yang harus dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Alangkah baik sekiranya kita menyedari bahawa pekerjaan yang dilakukan akan memberi manfaat bagi semua orang disekelilingnya.

Sekiranya seseorang menjadikan orientasi spiritual sebagai motivasi kerjayanya, sudah pasti dia tidak akan memikirkan lagi berapa banyak gaji yang akan diperolehi. Malah dia tak akan rasa beban akan setiap pekerjaan dan teguran pihak atasan atas hasil kerjanya. Yang paling penting baginya adalah keredaan Allah SWT atas segala yang diusahakan jauh lebih penting. Kita akan bekerja yang berbahagia dengan menjadikan orientasi spiritual sebagai pegangan utama. Lalu bagaimanakah kita boleh mengubah orientasi kerja kita sehingga menjadi lebih berharga?

NILAI Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Nilai membawa maksud mutu atau taraf manakala menurut Syarifah Alawiah Alsagoff pada tahun 1985 pula Nilai ialah idea-idea yang dikongsi bersama oleh masyarakat tentang apa yang baik, betul dan dihendaki. Mohd Salleh Lebar (1998) pula menakrifkan bahawa nilai ialah idea-idea yang dikongsi oleh masyarakat tentang apa yang baik meliputi apa yang baik atau buruk dalam sesebuah kebudayaan.

Nilai merupakan satu ukuran abstrak yang dipersetujui secara bersama dalam satu masyarakat dan satu budaya untuk menentukan bagaimana sepatutnya setiap anggota berfikir dan bertindak untuk mencapai matlamat dan menggunakan segala hasil tindakan serta wujud dalam jangkamasa di atas keperluan dan kepentingan tertentu. Sebenarnya, nilai memainkan peranan penting dalam sesebuah masyarakat. Nilai mempengaruhi norma masyarakat, menyatupadukan masyarakat, memotivasikan masyarakat, mengawal tingkah laku negatif masyarakat, membolehkan masyarakat membuat pilihan dan amat penting untuk pengkajian masyarakat. Nilai sangat penting dalam masyarakat terutama dalam konteks masyarakat Malaysia. Kita tanpa sedar dalam segala corak pemikiran dan tindakan, sebenarnya adalah dikawal oleh nilai yang ditetapkan oleh masyarakat.

Daripada segi nilai-nilai utama dalam perkhidmatan pula merangkumi ciri-ciri seperti taat setia, amanah, bersih, jujur, ikhlas, bertanggungjawab, berkecuali, adil dan saksama, ketepatan masa, perkhidmatan ramah dan mesra serta sikap berjimat cermat. Penghayatan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara. Antaranya adalah dengan bekerja penuh keazaman. Sifat-sifat ikhlas dan amanah pula merupakan prinsip penting dalam tugas kita seharian. Di dalam Nilai Teras UniMAP telah dirangkumkan kesemua prinsip-prinsip ini dengan terhasilnya Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan.

Sekiranya kita bekerja dengan tekun dan cekap serta semangat bergotong-royong dan kesepaduan fikiran, kerja kita dapat memberikan kebaikan kepada manusia sejagat..InsyAllah...

NIKMAT membawa maksud sebarang pemberian atau kurniaan Allah SWT yang lazat, enak atau selesa untuk kita kecap. Namun begitu kita akan memberi fokus kepada nikmat dalam bidang pekerjaan kita seharian. Mengikut kajian tidak ramai antara kita yang bekerja mendapat kenikmatan dalam pekerjaan masing-masing. Sekiranya kita merasa apa yang sedang kita kerjakan merupakan tugas yang mesti diselesaikan, akhirnya kita hanya memperoleh nikmat kepenatan sahaja. Manakala jika kita bekerja semata-mata untuk mendapat imbuhan, maka kita tidak dapat bekerja se bebas mungkin, diri akan sentiasa dalam tekanan. Janganlah kita takut dengan bos akibat dari hasil kerja yang telah kita laksanakan...bila kita merasakan bahawa kita telah sedaya upaya melakukan yang terbaik. Tanamkan dalam 'jiwa' bahawa kita bekerja untuk memperoleh rezeki sebagai satu 'hubungan' dengan Maha Pencipta. Bukankah hukum bekerja itu adalah satu kewajiban?...sebagai satu langkah ikhtiar kita dan sebagai rasa kesyukuran kita terhadap Maha Pencipta yang telah mengurniakan kita dengan anggota tubuh dan akal fikiran yang sempurna. *Jika kita mengalami stress ketika bekerja Adakah kita sebenarnya ikhlas melakukan pekerjaan itu? Adakah sudah memadai apa yang kita buat selama ini? Kalau sudah...di mana nikmatnya? Fikirkanlah ...*

DIDIK membawa maksud pelihara, jaga dengan berhati-hati dan lebih tepat lagi sebagai ajar atau latih. Tanggungjawab seorang pendidik bukanlah sahaja terletak kepada seorang guru, pensyarah, tutor atau tenaga pengajar sahaja. Namun pada hakikat sebenarnya semua insan di dunia ini adalah seorang pendidik. Ibu dan ayah menjadi pendidik kepada anak-anaknya. Majikan menjadi pendidik kepada anak buahnya. Malah Perdana Menteri juga menjadi pendidik kepada pegawai-pegawai kerajaannya. Seorang pendidik pula bukan hanya mampu mendidik insan lain namun kita perlu mampu untuk mendidik diri kita sendiri. Tanpa didikan terhadap diri sendiri terlebih dahulu dengan sempurna serta sentiasa mengutamakan kecemerlangan diri, mampukah kita untuk mendidik insan lain supaya cemerlang atau lebih cemerlang daripada diri kita sendiri? Semangat untuk belajar secara berterusan perlu ada dalam diri kita semua untuk penambahbaikan taraf kehidupan.

Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak pernah menyatakan bahawa Kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada tidak akan kekal dan pekerja perlu terus belajar kemahiran dan pengetahuan baru melalui prinsip learn, unlearn and re-learn. Beliau turut pernah menyarankan para pekerja mengamalkan sikap penambahbaikan nilai hidup atau life long education dan menjadi pekerja celik IT serta mengutamakan penjenamaan pekerja Malaysia yang rajin, cekap, produktif, bersopan dan mempunyai disiplin yang tinggi... Fikirkanlah ...